

EBERIL 30mg/60mg/90mg/120mg Tablet

Etoricoxib (30mg, 60 mg, 90 mg and 120 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Eberil*
2. Bagaimana *Eberil* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Eberil*
4. Cara menggunakan *Eberil*
5. Semasa menggunakan *Eberil*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Eberil*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Eberil*

Doktor telah mempreskripsikan *Eberil* untuk:

- merawat osteoarthritis
- merawat reumatoid arthritis
- merawat spondilitis ankilos
- sakit pinggang kronik (30mg dan 60mg sahaja)
- melegakan rasa sakit selepas menjalani prosedur pergigian yang kecil
- merawat senggugut
- merawat serangan gout

Osteoarthritis ialah sejenis penyakit sendi. Osteoarthritis berlaku akibat kemusnahan beransur-ansur pada rawan yang melindungi hujung-hujung tulang lalu mengakibatkan rasa sakit, radang, rasa sakit apabila bergerak, kekakuan dan ketidakupayaan fizikal.

Arthritis reumatoid ialah sejenis penyakit kronik yang menyebabkan rasa sakit, kekakuan, bengkak dan hilang fungsi pada sendi serta radang pada organ-organ yang lain di dalam tubuh.

Spondilitis ankilos ialah sejenis penyakit radang tulang belakang dan sendi yang besar.

Gout ialah sejenis penyakit yang dicirikan oleh serangan rasa sakit dan radang yang berulang-ulang dan berlaku secara tiba-tiba pada satu sendi atau lebih.

Anda boleh dapatkan maklumat selanjutnya daripada doktor ataupun daripada ahli farmasi kerana mereka ada maklumat yang lebih terperinci.

Bagaimana *Eberil* berfungsi

Eberil terangkum dalam kumpulan ubat yang digelar perencat khusus COX-2 yang digunakan untuk mengurangkan rasa sakit dan radang. *Eberil* bukan bahan narkotik.

Sebelum mengambil *Eberil*

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan makan *Eberil* jika anda:

- alah terhadap mana-mana bahannya
- pernah mengalami kegagalan jantung, serangan jantung, pembedahan pintasan, sakit dada, arteri yang sempit atau tersumbat pada hujung-hujung anggota, strok atau strok kecil
- tekanan darah tinggi yang belum dikawal dengan rawatan

- Sebelum mula mengambil

Beritahulah doktor tentang apa-apa masalah kesihatan atau alergi yang pernah atau yang sedang anda alami, termasuklah:

- sejarah berlakunya angina, serangan jantung atau arteri jantung yang tersumbat
- arteri yang sempit atau tersumbat pada hujung-hujung anggota
- penyakit ginjal (buah pinggang)
- penyakit hati
- dehidrasi, misalnya akibat muntah-muntah atau cirit-birit yang berpanjangan
- sejarah pendarahan dari perut atau ulser di dalam perut
- kegagalan jantung
- tekanan darah tinggi
- bengkak akibat penakungan bendalir tubuh
- tindak balas alergi terhadap aspirin atau ubat antiradang yang lain (lazimnya digelar NSAID).
- sejarah berlakunya strok atau strok kecil
- keadaan yang meningkatkan risiko anda mendapat penyakit arteri koronari atau aterosklerosis seperti tekanan darah tinggi, diabetes, aras kolesterol tinggi atau tabiat merokok.
- rawatan jangkitan yang sedang anda jalani. *Eberil* tablet boleh menyembunyikan demam, iaitu suatu tanda jangkitan.

- mendapat asma (lelah), radang hidung, dan/atau gatal-gatal atau gegata kerana menggunakan Aspirin atau NSAID.
- dispepsia (ketakcernaan)

Etoricoxib boleh menyebabkan tindak balas yang teruk pada kulit. Antara simptomnya ialah kulit yang beruam, melepuh dan mengelupas. Ini mungkin tanda-tanda penyakit yang serius. Jika tindak balas begini berlaku, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Penggunaan oleh kanak-kanak

Eberil tablet belum lagi dikaji pada kanak-kanak dengan secukupnya. Oleh itu, *Eberil* tablet tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak.

Penggunaan oleh warga tua

Eberil tablet sama baik keberkesanannya pada pesakit dewasa yang tua mahupun yang muda. Kesan sampingan mungkin lebih kerap berlaku dalam kalangan pesakit yang lebih tua berbanding dengan pesakit yang muda. Jika anda warga tua (iaitu berusia 65 tahun ke atas), doktor akan mengawasi anda dengan sewajarnya. Dos tidak perlu diubah bagi pesakit yang tua.

Penggunaan semasa hamil dan semasa menyusukan anak

Beritahu doktor jika anda:

- sedang atau bercadang hendak menyusukan anak dengan susu badan. Tablet *Eberil* boleh memudahkan janin dan tidak boleh digunakan oleh wanita yang sedang cuba menjadi hamil ataupun yang telah menjadi hamil semasa masih menerima rawatan.
- Sedang atau merancang untuk menyusukan anak dengan susu badan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda mestilah memberitahu doktor tentang semua ubat yang anda makan atau yang anda bercadang hendak makan, termasuklah ubat yang anda peroleh tanpa preskripsi.

Doktor boleh memastikan bahawa ubat anda bertindak dengan baik jika anda menggunakan:

- *Warfarin* (ubat pencair darah)
- *Rifampin* (sejenis antibiotik)
- Bahan diuretik (tablet yang menyurutkan cecair badan)
- Perencat ACE dan penyekat reseptor *angiotensin* (ubat-ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan kegagalan jantung)
- *Lithium* (sejenis ubat yang digunakan untuk merawat sejenis kemurungan)
- Ubat pencegah kehamilan
- Terapi penggantian hormon
- *Methotrexate* (sejenis ubat yang digunakan untuk menyekat sistem imun).

Eberil tablet boleh dimakan bersama dengan aspirin dos rendah. Jika anda sedang memakan aspirin dos rendah untuk mencegah serangan jantung atau strok, jangan berhenti memakannya tanpa menanya doktor kerana *Eberil* tablet tidak boleh menggantikan aspirin bagi tujuan ini.

Cara mengambil Eberil

- Berapa banyak harus digunakan

Eberil tablet hendaklah dimakan sekali sehari. *Eberil* tablet boleh dimakan dengan atau tanpa makanan. Doktor akan menentukan dos *Eberil* tablet yang harus anda makan dan tempohnya.

Untuk merawat osteoarthritis:

- Dos yang disyorkan ialah 30 mg atau 60 mg sekali sehari.

Untuk merawat reumatoid arthritis:

- Dos yang disyorkan ialah 60 mg sekali sehari. dan boleh meningkat hingga 90mg sekali sehari jika diperlukan.

Untuk merawat spondylitis ankylos:

- Dos yang disyorkan ialah 60 mg sekali sehari. dan boleh meningkat hingga 90mg sekali sehari jika diperlukan.

Untuk sakit pinggang kronik:

- Dos yang disyorkan ialah 60mg sekali sehari.

Untuk merawat rasa sakit yang akut

- Dos yang disyorkan ialah 90mg atau 120mg sekali sehari. *Eberil* hanya sepatutnya digunakan selama tempoh kesakitan akut itu, tanpa melebihi 8 hari.

Untuk melegakan serangan gout dan untuk merawat senggugut:

- Dos yang disyorkan ialah 120 mg sekali sehari dan sepatutnya digunakan hanya semasa tempoh rasa sakit yang akut.

Untuk melegakan rasa sakit selepas pesakit menjalani prosedur pergigian yang kecil

- Dos yang disyorkan ialah 90mg sekali sehari.

Dos yang melebihi dos yang disyorkan bagi setiap penyakit sama ada tidak menunjukkan keberkesanan yang lebih tinggi ataupun belum lagi dikaji. Oleh itu, jangan makan melebihi dos harian yang dinyatakan bagi setiap penyakit di atas ini.

Jika anda menghidap penyakit hati yang ringan atau sederhana teruk, doktor mungkin memberi anda preskripsi yang lebih rendah ataupun menasihatkan agar anda tidak menggunakan *Eberil*.

- Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa mengambil

Cuba makan *Eberil* tablet seperti yang dipreskripsikan. Walau bagaimanapun, jika anda terlupa memakan satu dos, jangan makan dos tambahan. Teruskan sahaja jadual anda seperti biasa pada keesokan hari..

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda termakan dos yang melebihi preskripsi, hubungilah doktor dengan segera.

Semasa menggunakan Eberil

- Perkara yang perlu dilakukan

Hubungilah doktor anda jika:

- Mana-mana simptom yang berikut timbul atau bertambah teruk: sesak nafas, sakit dada atau bengkak pada pergelangan kaki. Hentikan rawatan anda dengan *Eberil* tablet dan jumpalah doktor dengan secepat mungkin.
- Anda menghidap penyakit ginjal, hati atau jantung, doktor akan mengawasi anda dengan sewajarnya.
- Anda mengalami apa-apa simptom yang mungkin disebabkan oleh tindak balas alergi yang teruk, misalnya kesukaran bernafas atau tindak balas kulit yang serius, anda mestilah berjumpa doktor dengan segera.

Doktor akan berbincang tentang rawatan anda dari semasa ke semasa. Penting agar anda menggunakan dos terendah yang boleh mengawal rasa sakit anda.

Eberil tablet boleh meninggikan tekanan darah pada sesetengah orang, terutamanya dengan dos yang tinggi, dan ini boleh meningkatkan risiko mendapat serangan jantung dan strok. Doktor akan memeriksa tekanan darah anda dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa rawatan masih selamat diteruskan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kongsi *Eberil* tablet dengan orang lain kerana ubat ini dipreskripsikan hanya untuk anda khususnya.

Jangan makan *Eberil* tablet lebih lama daripada perlu. Ini kerana risiko mendapat serangan jantung dan strok mungkin akan meningkat selepas tempoh rawatan yang panjang, terutama sekali dengan dos yang tinggi..

- Perkara yang perlu diberi perhatian ***Memandu dan menggunakan jentera***

Pening dan mengantuk telah dilaporkan oleh beberapa pesakit yang mengambil *Eberil*. Jangan memandu dan gunakan sebarang alat atau mesin jika anda mengalami pening atau mengantuk.

Eberil mengandungi lactose

Sekiranya anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anda mempunyai sikap intoleransi terhadap beberapa gula,

hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Mana-mana ubat pun boleh memberikan kesan yang tidak dimaksudkan atau yang tidak diinginkan, yang digelar kesan sampingan.

Sama seperti semua ubat preskripsi yang lain, *Eberil* tablet juga boleh menyebabkan kesan sampingan.

Antara kesan sampingan yang dilaporkan dalam kajian ialah:

- Pening
- bengkak pada betis dan/atau kaki,
- lemah badan dan lesu,
- tekanan darah tinggi,
- loya,
- pedih hulu hati,
- sakit perut,
- sakit kepala
- soket gigi yang kering (radang dan sakit selepas gigi dicabut)

Kesan sampingan tambahan adalah:

- tindak balas alergi (alahan) (yang mungkin cukup serius sehingga perlu segera dirawat) termasuk bengkak pada muka, bibir, lidah, dan/atau tekak, yang boleh menyukarkan pesakit bernafas atau menelan, nafas berdehit, ruam, gatal-gatal dan gegata (kelopak garam);
- kulit menjadi merah-merah,
- tindak balas kulit yang teruk, yang mungkin berlaku tanpa amaran;
- perubahan pada rasa lidah,
- ritma jantung yang abnormal,
- kegagalan jantung,
- palpitasi (debaran jantung),
- dada berasa sempit, tertekan atau berat,
- sakit perut,
- ulser di dalam perut yang boleh menjadi serius dan berdarah, dan boleh berlaku pada bila-bila masa apabila menggunakannya, tanpa amaran,
- muntah-muntah.
- masalah hati termasuk kegagalan hati, kulit dan mata menjadi kuning (jaundis),

- masalah ginjal (buah pinggang) yang serius,
- aras kalium yang tinggi di dalam darah,
- insomnia (susah tidur),
- keresahan,
- kemurungan,
- keresahan,
- mengantuk,
- ulser di dalam mulut,
- cirit-birit,
- peningkatan tekanan darah yang teruk,
- keliru,
- halusinasi,
- platelet berkurang,
- penglihatan kabur.

Kesan sampingan yang lain juga boleh sekali-sekala berlaku, dan sama seperti mana-mana ubat preskripsi yang lain, sesetengah daripadanya mungkin serius. Tanyalah doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Mereka ada senarai kesan sampingan yang lebih lengkap. Beritahulah doktor atau ahli farmasi dengan segera tentang gejala ini atau tentang apa-apa gejala lain yang luar biasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan *Eberil*

- Penyimpanan

Jauhkan ubat ini daripada jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

30 mg: Hijau muda, bentuk epal, dwicembung, tablet bersalut filem dengan bertanda 30 pada satu permukaan dan kosong pada permukaan lain.

60 mg: Hijau, bentuk epal, dwicembung, tablet bersalut filem dengan bertanda 60 pada satu permukaan dan kosong pada permukaan lain.

90 mg: Putih, bentuk epal, dwicembung, tablet bersalut filem dengan bertanda 90 pada satu permukaan dan skor pada permukaan lain.

120 mg: Hijau muda, bentuk epal, dwicembung, tablet bersalut filem dengan bertanda 120 pada satu permukaan dan skor pada permukaan lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Etoricoxib (30mg, 60 mg, 90 mg, 120 mg)

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose (Avicel PH 112), Crospovidone (Crospovidone XL-10), Anhydrous dibasic calcium phosphate, Mannitol, Povidone (PVP K-30), Isopropyl alcohol, Croscarmellose sodium, Lactose monohydrate (Supertab), Poloxamer (Lutrol Micro 127), Colloidal silicon dioxide (Aerosil 200), Magnesium stearate, Hypromellose (HPMC 2910), Propylene glycol, Methylene chloride, Kollicoat IR [Combination of Polyvinyl alcohol units (75%); Polyethylene glycol units (25%); Colloidal anhydrous silica (Approx. 0.3%)], Titanium dioxide, Talc, Lake brilliant blue (C.I. No. 42090), Iron oxide red (C.I. No. 77491), Iron oxide yellow (C.I. No. 77492), Purified water, Polyethylene glycol (PEG 6000) and Copovidone (Kollidon VA 64)

- Nombor MAL

30mg: MAL22116018AZ

60mg: MAL21046022AZ

90mg: MAL21046023AZ

120mg: MAL21046024AZ

Pengilang

UNISON LABORATORIES CO., LTD.
39 Moo 4, Klong Udomcholjorn, Muang
Chachoengsao, Chachoengsao 24000
Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn.Bhd
B-1-07, Jalan SS 25/22,
Taman Mayang,
47301 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

11/06/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250423/1463